

E D I S I H A R I R A Y A 2 0 2 2

E-BULETIN

EDISI 10



SOBA MAJU
ENTERPRISE
EB BSN TERBAIK

Salam
Aidilfitri

7 TIP PUASA
UNTUK KEKAL
CERGAS, SIHAT
DAN BERTENAGA

CARTA
EB BSN
PRESTASI
TERBAIK
NEGERI

PERADUAN
RAYA
BERGAMBAR &
MENANG!



Kandungan

- 05 Lebaran 2022
- 07 Cerita EB BSN
- 09 Info Am EB BSN
- 10 Tip & Panduan
- 13 Testimoni EB BSN
- 15 Ucapan Hari Raya EB BSN
- 16 Cegah COVID-19
- 17 Promosi
- 18 Program & Aktiviti
- 19 Peraduan EB BSN

EDITORIAL

PENGARANG
Reezwan Omar

PENOLONG PENGARANG
Rohemy Rosslan
Megat Aizuddin
Waie Faiz

PRODUKSI & KREATIF

PENGARAH KREATIF
Ashura Hakim

FOTOGRAFI / KREATIF
Aizat Nor Azam

WEB
Sanny Hisham





Selamat Hari Raya Aidilfitri

Maaf Zahir & Batin

Assalamualaikum dan selamat sejahtera. Alhamdulillah, sekali lagi pada tahun ini kita akan melaksanakan ibadah puasa dan meraikan Aidilfitri yang mulia dalam suasana harmoni dan sejahtera. Di mana sahaja umat Islam berada, pasti akan merasai getaran takbir menyentuh jiwa mengagungkan kebesaran Illahi. Menjelang Syawal yang mulia pada tahun ini, saya ingin merakamkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua terutamanya kepada EB BSN dan seluruh umat Islam. Aidilfitri adalah hari kita menyambut kemenangan dan sebagai ganjaran kepada mereka yang sabar dan taat beribadah sepanjang berada di bulan Ramadan.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan kesyukuran dan berterima kasih kepada semua pihak yang telah berusaha dan bekerjasama dalam penerbitan e-buletin edisi raya ini. Dalam diam tak diam, kami telah menerbitkan 10 edisi e-buletin. Ini adalah hasil sokongan daripada anda semua yang membuatkan kami lebih bersemangat untuk terus

berkongsi informasi menggunakan platform ini. Insya-Allah, pelbagai lagi penambahbaikan akan kami laksanakan bagi meningkatkan mutu dan kualiti e-buletin pada masa akan datang.

Pada edisi khas raya ini, kami kongsikan informasi dan tip yang menarik untuk anda seperti tip-tip hari raya, informasi berkaitan pengoperasian EB BSN, perniagaan, keselamatan dan banyak lagi input menarik khas untuk rujukan dan pembacaan anda.

Kepada semua yang akan pulang ke kampung halaman untuk berhari raya, sentiasalah patuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) COVID-19 yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) supaya kita dapat mencegah penularan wabak ini dan rancanglah perjalanan dengan baik serta pandu dengan cermat dan waspada bagi mengelakkan daripada berlakunya perkara yang tidak diingini.

Selamat Hari Raya Aidilfitri,
Maaf Zahir Dan Batin.

KAMI TELAH MENERBITKAN
10 EDISI E-BULETIN
HASIL SOKONGAN
DARIPADA ANDA SEMUA

"Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada ejen EB BSN dan semua umat Islam"

Azrul Farique Mustafa
Ketua,
Jabatan Perbankan Digital,
BSN



5 TIP Berjimat & Meriah Hari Raya 2022

Sumber: Directlending.com.my

Untuk rujukan dan bacaan EB BSN.

5



BSNMalaysia www.bsn.com.my



LEBARAN 2022

Hari Raya Aidilfitri yang disambut setahun sekali akan menjelang tiba lagi setelah sebulan berpuasa. Isu perbelanjaan yang besar sering menjadi dilema terutamanya bagi mereka yang ingin menyambut perayaan ini dengan meriah.

Ada yang lebih hati-hati dengan perbelanjaan agar dapat menyimpan lebih banyak wang untuk kegunaan di waktu kecemasan. Namun, perayaan yang meriah tidak semestinya memerlukan perbelanjaan yang besar ya. Kami akan kongsikan dengan anda 5 tip untuk berjimat pada Hari Raya ini.

1. Sediakan Bajet Raya Ini merupakan perkara asas bagi setiap perancangan kewangan namun sangat penting bagi mengelakkan perbelanjaan yang tidak diingini. Senaraikan setiap perbelanjaan yang diperlukan bagi menyambut perayaan seperti baju raya, duit raya, juadah dan sebagainya. Apabila anda membuat bajet sebelum berbelanja, anda dapat membezakan perbelanjaan yang mengikut kehendak atau keperluan anda.

Pastikan setiap perbelanjaan yang dibuat adalah mengikut kemampuan kewangan masing-masing kerana kemerahan raya bukan bergantung kepada jumlah wang yang dibelanjakan, tetapi yang penting adalah masa dan kasih sayang daripada keluarga tercinta di hari raya ini.

2. Pakai Semula Pakaian yang Masih Elok & Baharu

Bukanlah menjadi satu kemestian sebenarnya untuk anda memiliki baju baharu, asalkan pakaian itu masih elok dan cantik, anda masih lagi kelihatan segak dan cantik di hari raya ini! Jika anda seorang yang kreatif, anda masih boleh menggunakan pakaian lama anda dengan sedikit kelainan dengan menggunakan kaedah '*mix and match*' pakaian anda.

Bagi wanita, anda boleh padankan baju kurung atau kebaya anda bersama corak atau warna tudung yang berbeza dari sebelum ini. Bagi lelaki pula, cuba tukar corak sampin anda atau gayakan dengan simpulan kain sampin yang berbeza pada tahun ini. Hari raya yang disambut pastinya meriah dengan kreativiti dan kelainan anda memperagakan busana raya anda.



3. Manfaatkan Jualan Murah & Diskaun

Sudah menjadi kebiasaan bagi pusat pembeli-belah membuat jualan murah dan diskauan perayaan secara besar-besaran. Manfaatkan peluang yang ditawarkan tetapi pastikan mengikut perbelanjaan anda yang telah ditetapkan.



4. Hias Rumah dengan Projek DIY Setelah kira-kira dua tahun kita menyambut hari raya dalam suasana yang berbeza disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pada tahun ini dengan izin Allah kita akan dapat merasai kemeriahannya semula tanpa sekat pergerakan. Sudah tentu tradisi kunjung-mengunjung ke rumah saudara-mara serta sahabat handai terus di amalkan. Anda tentu ingin menghiasi rumah anda sebagai persediaan menerima tetamu. Hiasan rumah yang menarik dan kemas tidak semestinya harus serba baharu, tetapi anda perlu bijak menggunakan kreativiti yang ada. Sebagai contoh, kad raya yang terpakai boleh ditampal untuk dijadikan hiasan rumah yang bukan sahaja kreatif, tetapi penuh makna.



5. Masak Juadah Sendiri Memang mudah jika kita hanya membuat tempahan bagi kuih raya dan sajian hidangan di hari raya. Namun dengan jumlah wang yang sama, jika masakan ini dimasak secara gotong royong bersama keluarga pastinya penjimatan yang lebih banyak dapat dilakukan. Kelebihan sewaktu memasak tidak akan dirasai jika dilakukan bersama-sama keluarga dan secara tidak langsung hubungan silaturrahim dapat bertaut kembali dan membentuk ikatan kekeluargaan yang lebih kukuh.

Untuk rujukan dan bacaan EB BSN.

6

Tip Menghadapi Soalan “Pedas”

Musim perayaan ini, ada di antara kita yang akan menghadapi situasi berdepan dengan ahli keluarga, sanak saudara, jiran tetangga dan sahabat lama yang akan bertanyakan soalan-soalan begini:



Ibu Saudara

“Kenapa kau kurus sangat? Sakit ke?”



Jiran

“Kenapa kulit kau sekarang penuh jerawat dan kusam?”



Kawan

“Eh! Lama tak nampak, Kau makin gemuklah!”



Kakak Sepupu

“Kenapa kau belum kahwin lagi, macam dah lanjut usia je”

Ha! Soalan- soalan cepumas ini memang “berapi”. Jadi apa nak buat?



Tip untuk menghadapi situasi di atas:

Tarik nafas

Senyum

Jangan naik angin (marah/ menjawab dengan kurang sopan)

Beredar dari tempat tersebut dengan sopan

Berdiam diri dan bersabar bukan bermakna kita kalah. Kita berjaya mengawal diri kita dengan lebih baik.. Jadi, cekalkan hatimu!






Saya menjalankan perniagaan Soba Maju Enterprise di Johor Bahru iaitu kedai gambar dan serbaneka sejak tahun 2002. Pada awal tahun 2012, BSN telah membuka peluang kepada peniaga untuk berkhidmat sebagai ejen bank (EB BSN) dan saya ambil peluang ini untuk menaikkan jenama dan menambah perkhidmatan yang boleh saya tawarkan kepada masyarakat sekitar selain untuk menjana pendapatan perniagaan saya.

Peluang menjadi EB BSN merupakan peluang yang terbaik bagi saya kerana dengan menawarkan perkhidmatan EB BSN sangat membantu dan memudahkan masyarakat bagi melakukan transaksi seperti tambah nilai prabayar, deposit tunai, dan pengeluaran wang tunai. Mereka tidak perlu untuk pergi ke cawangan bank atau kedai lain yang lebih jauh untuk melakukan perkara ini.

Perniagaan saya kini semakin berjaya berbanding beberapa tahun yang lalu. Bagi mengekalkan kejayaan ini semestinya memerlukan usaha dan dedikasi yang kuat. Jadi saya sentiasa cekal dan tabah serta perlu peka dengan peredaran digital yang semakin maju membangun. Saya percaya sekiranya kita tidak ada sifat-sifat ini, perniagaan ini pasti masih di takuk yang lama.

Sejak menjadi EB BSN pada tahun 2012, antara perubahan terhadap perniagaan saya yang dapat saya lihat adalah premis perniagaan saya lebih dikenali oleh pelanggan berbanding sebelum menjadi EB BSN. Berkat daripada jenama BSN yang sudah gah, pelanggan lebih selesa dan percaya dengan perkhidmatan yang ditawarkan di premis perniagaan saya.


Pesanan saya kepada EB BSN dan usahawan kecil di luar sana, berilah layanan yang mesra kepada semua pelanggan tanpa mengira latar belakang mereka. Memberi layanan mesra kepada pelanggan adalah salah satu bahagian yang penting dalam perniagaan kerana ia dapat mewujudkan kesetiaan pelanggan dan membina kepercayaan kepada pelanggan baru. Ia juga dapat membina rantaian pelanggan apabila pelanggan yang setia itu dengan sendirinya mempromosikan produk atau perkhidmatan kepada rakan sekeliling.



Carta EB BSN prestasi terbaik negeri

EB BSN

Terengganu – ANZ Berkat Maju	Sabah – Jom Singgah Jericho
Johor – MyBill Sdn Bhd (Nusa Bistari)	Sarawak – Serena Enterprise
Pahang – Basharuddin Ent	Melaka – Wise Office Supplies
Perak – SSC Digital Photo	Negeri Sembilan – Yasri Bin Bakri
Kelantan – Hazri Telecommunication	Selangor – RNF Enterprise
Pulau Pinang – Mohd Nadzri Othman	Kuala Lumpur – Le Myra Enterprise
Kedah - 75 TC Smart Enterprise	



Nota: Prestasi terbaik mengikut negeri berdasarkan jumlah transaksi terbanyak.

Etika EB BSN

Setiap EB BSN mestilah menerapkan sifat-sifat yang luhur dan berdisiplin agar dapat memberikan perkhidmatan yang baik dan berkualiti kepada masyarakat. Berikut merupakan tujuh (7) etika EB BSN yang perlu dipatuhi oleh setiap EB BSN.

Sentiasa mengutamakan pelanggan



Berpakaian kemas dan menarik



Menyampaikan maklumat yang tepat, jelas dan lengkap



Berbudi bahasa dan menghormati pelanggan



Cekap, amanah, dan berintegriti



Mempunyai persekitaran yang selesa, selamat dan teratur



Memastikan peralatan yang dibekalkan berada dalam keadaan baik



Sokongan Operasi Sekiranya EB BSN mengalami sebarang masalah berkenaan transaksi (berjaya/gagal), masalah terminal P.O.S atau lain-lain berkenaan perkhidmatan EB BSN, mohon berhubung terus dengan talian *helpdesk* kami.


EB BSN Helpdesk 1-800-88-5220

Khidmat Pelanggan 1-300-88-1900



Tugas Dan Tanggungjawab EB BSN

No	Tugas Dan Tanggungjawab
1	Mengenalpasti identiti pelanggan sebenar Memenuhi keperluan KYC (Know Your Customer) serta peruntukan undang-undang yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan memastikan Akta Pencegahan Wang Haram (Anti Money Laundering Act 2001) serta Garis Panduan Standard Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembanterasan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) dipatuhi. Ini penting bagi mengelakkan pembukaan akaun untuk tujuan yang salah di sisi undang-undang.
2	Memastikan baki wang di dalam akaun korporat BSN dan tunai di tangan ejen adalah mencukupi bagi melancarkan pelaksanaan transaksi harian EB BSN.
3	Mempunyai kemahiran serta pengetahuan yang mencukupi berkaitan produk BSN yang ditawarkan serta aplikasi EB BSN.
4	Ejen tidak boleh menolak transaksi yang hendak dilakukan oleh pelanggan BSN tanpa sebarang sebab yang kukuh.
5	Sekiranya ejen tidak dapat meneruskan transaksi , ejen perlu memaklumkan kepada pelanggan untuk berurusan di cawangan BSN yang berhampiran.
6	Ejen perlu mempamerkan alatan pemasaran dan promosi yang dibekalkan oleh BSN di lokasi ejen.



Contoh Transaksi Yang Mencurigakan

Kami sangat menggalakkan anda untuk sentiasa memantau aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh pelanggan di premis anda dan anda haruslah mengamalkan polisi Know Your Customer (KYC) iaitu proses mengesahkan dan mengekalkan rekod identiti pelanggan bagi mencegah kecurian pengenaan, penipuan kewangan, pelaburan wang haram, dan pembiayaan pengganas.

Sebagai rujukan anda, contoh-contoh transaksi yang mencurigakan yang mungkin akan dilakukan oleh pelanggan di premis anda adalah seperti berikut:-

- | | | | |
|----|---|----|---|
| 01 | Kemasukan deposit yang besar oleh seorang pelajar, pesara atau surirumah yang tidak setara dengan profil pelanggan. | 04 | Transaksi melibatkan banyak pembayaran tunai dengan amaun yang tinggi tanpa penjelasan yang munasabah |
| 02 | Pelanggan yang sedang di dalam siasatan diketahui mempunyai hubungan dengan penjenayah | 05 | Kemasukan deposit yang besar secara kerap pada satu akaun yang sama tetapi daripada individu yang berlainan |
| 03 | Transaksi deposit yang kerap melibatkan satu atau lebih ahli keluarga dengan amaun yang tinggi | | |

3 Nasihat Jack Ma Tentang Cara Bina Perniagaan Yang Berjaya

Menurut artikel Jack Ma yang dikongsikan melalui aplikasi chat Alibaba iaitu Laiwang, beliau sering bertanya-tanya adakah dia mampu untuk membuka perniagaan di pasaran Taobao. Ini kerana, bukan mudah untuk membina perniagaan yang berjaya sehingga boleh diterima oleh orang ramai dan bersaing dengan banyak jenama yang hebat dan lebih berpengalaman dalam dunia perniagaan.

Berikut merupakan beberapa tips yang dikongsikan oleh Jack Ma untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya.

#1 – Tetapkan matlamat anda Untuk membina perniagaan yang berjaya, menetapkan matlamat adalah perkara yang paling penting. Setiap hari, catatkan setiap matlamat yang perlu anda kecapi. Dengan ini, mudah untuk anda mengenalpasti segala kekuatan dan kelemahan yang ada dalam diri.

Jika anda gagal tidak bermakna anda tidak akan berjaya. Tiada istilah putus asa dengan setiap kegagalan yang anda hadapi. Malah, jadikan setiap kegagalan itu sebagai satu semangat untuk anda bangkit semula.

Menurut Jack Ma, orang yang sentiasa berterima kasih dan bersyukur adalah orang yang sentiasa membuka peluang dalam dirinya untuk terus maju ke hadapan. Apa yang paling penting, produk dan perkhidmatan kita dapat menarik hati pelanggan.

#2 – Bina hubungan yang baik dengan pelanggan Setelah anda mempunyai idea apa yang perlu lakukan dalam perniagaan, seterusnya fikirkan pula bagaimana cara terbaik untuk anda melaksanakannya. Yakni, fikirkan bagaimana anda ingin membina hubungan yang baik dengan pelanggan.

Khususnya buat perniagaan kecil, apakah yang membuatkan perniagaan anda berbeza dengan perniagaan lain? Bagaimana anda ingin menjalankan hubungan yang baik dengan pelanggan? Adakah produk anda betul-betul dapat menarik perhatian mereka. Produk yang bagus,

dapat menarik pelanggan yang akan setia dengan produk kita.

Perniagaan bukan semata-mata hanya membeli dan menjual. Malah, proses membina hubungan dengan pelanggan juga amat dititikberatkan. Mencari dan mempunyai pelanggan yang setia adalah sesuatu yang berharga untuk menjaga kualiti produk kita.

#3 – Sentiasa memperbaiki produk dan perkhidmatan anda Jack Ma juga mempercayai bahawa, setiap usahawan yang berjaya sering merebut peluang yang ada dan juga mendengar pendapat pelanggan dan pekerja mereka.

Apabila berhadapan dengan kegagalan, mereka akan bangkit semula dan tidak mudah mengalah. Segala usaha keras yang dilakukan selama ini dapat membuktikan di mana tahap Alibaba berada sekarang.

Untuk mendapatkan hasil yang luar biasa, anda tidak seharusnya mengambil konsep sambil lewa. Usaha yang luar biasa akan menghasilkan kejayaan yang luar biasa. Contoh yang boleh kita lihat adalah, syarikat Alibaba. Mereka banyak mengorbankan masa siang dan malam untuk mendapat kejayaan seperti hari ini.





Apakah MACAU Scam?

MACAU Scam adalah taktik yang menawarkan wang mudah atau pulangan yang lumayan dalam masa singkat.

Antara modus operandi aktiviti ini: Sindiket sering menggunakan teknik yang disebut 'ID spoofing' untuk menipu mangsa.

Mereka akan menyamar sebagai pegawai bank, anggota daripada badan berkuasa dan sebagainya dan menelefon mangsa untuk memberitahu mengenai kad kredit atau hutang pinjaman mereka yang belum selesai. Jadi, apa yang harus anda lakukan sekiranya

berhadapan dengan MACAU scam?

Abaikan tuntutan telefon yang mencurigakan dari bank, agensi kerajaan, pemungut hutang atau polis.

Jangan tertipu oleh panggilan telefon yang mencurigakan dan lebih berwaspada. Sila hubungi bank atau pihak berkuasa tempatan untuk mendapatkan nasihat.

Sekiranya anda telah menerima sebarang aktiviti mencurigakan, sila maklumkan segera kepada kami melalui talian **1300-88-1900** atau e-mel ke **customercare@bsn.com.my**.

66

Dengan perkhidmatan yang ditawarkan oleh EB BSN telah memberi banyak kemudahan untuk penduduk sekeliling

99



Testimoni EB BSN



JJIN HAN TRADING, Sarawak “Dengan perkhidmatan yang ditawarkan oleh EB BSN telah memberi banyak kemudahan untuk penduduk sekeliling”



LN Collection, Sarawak “Lebih banyak pelanggan datang ke kedai membeli barang keperluan selain membuat pembayaran bil. Pelanggan dapat menjimatkan masa, tidak perlu pergi jauh ke cawangan Bank”



PIK Pari Baruh, Selangor “Komuniti boleh bayar bil dengan mudah, lebih-lebih lagi komuniti yang tiada akses kenderaan”



Semat Trading, Pulau Pinang “Membantu masyarakat sekitar dengan perkhidmatan yang BSN sediakan dan dalam masa yang sama dapat sedikit tambahan pendapatan dari komisen yang diberikan”

Untuk rujukan dan bacaan EB BSN.

Ucapan Hari Raya EB BSN

Sekapur sireh pinang disaji, di dalam dulang untuk Mak Dara, Menjunjung kasih setia budi, EB Indah Bunian Enterprise aturkan. Salam Menyambut Hari Raya Aidilfitri.

EB Indah Bunian Enterprise, Melaka



Kami dari Lekir Ukhuh Enterprise Ejen Bank BSN Mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir & Batin.

EB Lekir Ukhuh Enterprise, Perak



Burung puyuh meniti di batang, Batang manggis condong ke paya, Kebaya labuh bersanggul lintang, Senyum manis di pagi raya. Salam Lebaran buat semua dari kami warga Amni Wahyuni Enterprise.

EB Amni Wahyuni Enterprise, Selangor



Selamat Hari Raya Maaf Zahir dan Batin.

EB Dinardesa Enterprise, Kedah



Kami dari EB PETRONAS Koop Keluarga Nik Salleh mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir & Batin kepada semua rakan-rakan EB BSN seluruh Malaysia dan juga pihak Pengurusan BSN. Semoga EB terus melangkah maju dan gemilang.

EB Koperasi Keluarga Nik Salleh, Kelantan



Seperti semua sedia maklum, bermula 1 April 2022, kita akan mula ke fasa peralihan endemik. Ia adalah fasa peralihan untuk negara kembali kepada kehidupan normal selepas rakyat bergelut dengan pandemik COVID-19 sejak dua tahun lalu.

Fasa ini adalah fasa sementara sebelum negara beralih ke fasa endemik sepenuhnya yang mana ia tertakluk kepada pengumuman Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

FASA PERALIHAN ENDEMIK



Berkuatkuasa | 1 April 2022

MASIH BERKUATKUASA



Pemakaian pelitup muka

Perlu dipatuhi di semua tempat awam

Daftar masuk menggunakan MySejahtera

Kecuali kawasan luar seperti taman awam

DIMANSUHKAN BERMULA 1 APRIL 2022

- Penjarakan fizikal bagi aktiviti solat Jemaah di masjid/surau atau upacara sembahyang di rumah ibadat selain Islam



SOP akhir masih di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri

- Sekatan ke atas waktu operasi perniagaan



Pemilik premis perniagaan dibenarkan menetapkan waktu operasi mengikut syarat lesen perniagaan mereka

- MyTravelPass untuk bukan warganegara Malaysia masuk ke Malaysia

DIBENARKAN BERMULA 1 APRIL 2022

- Merentas negeri untuk semua tanpa mengira status vaksinasi
- Pembukaan sempadan antarabangsa
- Acara atau aktiviti berkapasiti penuh yang melibatkan kumpulan besar



Penjarakan fizikal masih digalakkan

- Operasi tempat kerja dalam kapasiti penuh
- Perjalanan ke Malaysia tanpa kuarantin untuk pelancong yang lengkap vaksinasi



moh.gov.my

#ReopeningSafely

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Pelbagai produk dan kempen menarik yang ditawarkan oleh BSN pada tahun ini. Sebagai EB BSN, kami sangat menghargai sekiranya anda dapat menyebarkan informasi produk dan kempen yang ditawarkan oleh BSN kepada pelanggan. Anda juga boleh memohon dan menyertai kempen yang dianjurkan oleh BSN. Pelbagai hadiah menarik boleh dimenangi!

Tekan pada setiap gambar di bawah untuk ketahui maklumat lebih lanjut.

The collage consists of five rectangular promotional banners arranged vertically. Each banner features a different theme related to Raya 2022:

- Top Banner:** "Impian Anda Inspirasi Kami". It shows a man in a brown apron working in a kitchen. A circular badge on the left says "BAHAGIA BERKARANG". The text "Impian mengembangkan perniagaan anda adalah pemasu inspirasi kami untuk terus menjadi rakan perniagaan anda" is displayed.
- Second Banner:** "BSN Giro-i Premium Akaun Syarikat. Akaun Semasa pilihan anda". It shows four people in a modern office setting. The text "Menangi DUIT RAYA sehingga RM150,000. Jadikan fantasi Raya anda realiti dengan BSN SSP!" is displayed.
- Third Banner:** "Raikan Hari Raya dengan Kad BSN". It shows a family of four (two adults, two children) in traditional Raya attire. The text "RM10,000 duit raya untuk dimenangi! Belanja minimum RM50 dengan Kad BSN" is displayed.
- Fourth Banner:** "Sempurnakan Hari Raya anda dengan Kad BSN". It shows a woman in a pink hijab standing next to a kitchen counter with various items. The text "Beli mesti diskayu belas sehingga 30% Pilihan *Ralan EasyPay 0% di rakan niaga BSN" is displayed.

Komuniti Mikro BSN

Bank Simpanan Nasional (BSN) dengan inisiatifnya mengadakan program Komuniti Mikro BSN di mana ia merupakan satu platform untuk mengeratkan hubungan BSN dengan komuniti usahawan setempat yang terdiri daripada:



Eksekutif Pembiayaan Perniagaan

dengan membantu usahawan melalui:

- Fasiliti pembiayaan
- Program pembangunan usahawan
- Khidmat nasihat berkaitan pembiayaan perniagaan



Persatuan Perniagaan / Agensi Kerajaan Tempatan

Hubungan kerjasama dengan persatuan perniagaan dan agensi kerajaan tempatan dalam usaha meningkatkan prestasi perniagaan usahawan dalam komuniti.

Ejen Bank BSN (EB BSN) sebagai saluran maklumat produk atau perkhidmatan BSN terus kepada komuniti setempat.



Usahawan Mikro Setempat berpeluang memanfaatkan akses kepada perkhidmatan perniagaan BSN secara cepat dan menyeluruh di kawasan mereka.

Untuk rujukan dan bacaan EB BSN.

Peraduan Raya Bergambar & Menang!



Kongsikan gambar **OOTD Raya** anda yang paling menarik dan berpeluang memenangi BSN SSP sehingga RM300!

Hadiah Pertama:
BSN SSP RM300
x 1 pemenang

Hadiah Kedua:
BSN SSP RM200
x 1 pemenang

Hadiah Ketiga:
BSN SSP RM100
x 1 pemenang

Bagaimana untuk menyertai? Mudah sahaja! Ikuti langkah berikut:

1
Ikuti akaun Facebook / Instagram @BSNMalaysia.

2
Muat naik gambar OOTD Raya berlatar belakang premis EB BSN anda ke dalam akaun Facebook / Instagram anda.

3
Sertakan hashtag
#EjenBankBSN
#BSNMalaysia
#BSNkanAda
dan tag
@BSNMalaysia

4
Tiga (3) Ejen Bank yang menghasilkan gambar paling menarik dan unik berpeluang untuk memenangi BSN SSP bernilai sehingga RM300!

Tarikh akhir penyertaan adalah pada **31 Mei 2022**.

Pemilihan pemenang akan dibuat di akhir tempoh peraduan. Senarai pemenang akan diumumkan dalam buletin EB BSN pada edisi yang akan datang.

Klik [disini](#) untuk terma dan syarat penuh

*Selamat Hari
Raya Aidilfitri
Maaf Zahir Dan Batin*

